

PERTANDINGAN PENULISAN HIJAU

Penyertaan Penulisan hijau adalah terbuka kepada semua Warga Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia dalam kalangan pensyarah dan pelajar. Penulisan mestilah bertemakan kelestarian & teknologi hijau. Semua penulisan yang dihantar akan disemak dan disahkan oleh panel yang dilantik dan akan diterbitkan

Format Penulisan

1. Penulisan adalah dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
2. Penulis wajib menggunakan *Microsoft Word*.
3. Penulisan mestilah menggunakan *template* yang disediakan.
4. Maksimum muka surat adalah di antara 5-8 muka surat, *single column*.
5. Penulisan yang tidak mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan tidak akan diterima.

Syarat Pertandingan

1. Penyertaan terbuka kepada seluruh Politeknik dan Kolej Komuniti dalam kalangan staf dan pelajar.
2. Penyertaan adalah percuma dan boleh menghantar lebih dari satu (1) penulisan.
3. Semua penulisan yang diterima/disahkan akan dibukukan dalam sebuah penerbitan berdaftar (eISBN).
4. Penulis bagi setiap artikel dihadkan kepada tiga (3) orang sahaja.
5. Penulisan yang dihantar hendaklah penulisan asli dan belum pernah diterbitkan dalam mana-mana terbitan, cetakan, jurnal, prosiding atau seumpamanya.
6. Penulisan perlu dihantar dalam bentuk *softcopy* (.doc/.docx) dan perlu dimuat naik melalui portal rasmi MPCCSustAward24.
7. Tarikh tutup penghantaran ialah pada 30 Julai 2024.

Rujukan / Pertanyaan

Dr. Norazlina Binti Ahmad (+6012-761 9914)
Pn. Norsafurawati Binti Shaari (013-9863018)

TAJUK KERTAS PENULISAN

- Penulisan adalah bertemakan Sustainability dan Green Technology dalam Tujuh (7) bidang berikut:
 - a. Bidang 1 : Pengurusan Pendidikan & Penyelidikan
Pelaksanaan kurikulum hijau, penyelidikan dan penerbitan lestari, pengurusan laporan & laman sesawang kemampanan, pelaksanaan program kesedaran & penerapan budaya hijau serta latihan, perkongsian kepakaran dan pengalaman berkaitan kemampanan bagi pelajar dan kakitangan kampus.
 - b. Bidang 2 : Pengurusan Tenaga dan Perubahan Iklim
Kesedaran terhadap penggunaan tenaga dengan cekap, pelaksanaan program mengurangkan pelepasan karbon dan langkah pengurangan pemanasan global serta inisiatif dalam penggunaan tenaga boleh diperbaharui.
 - c. Bidang 3 : Pengurusan Alam Sekitar dan Landskap
Mengintegrasikan amalan pengurusan alam sekitar serta memberi kesedaran terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar yang selamat, sihat dan mempunyai ciri-ciri kemampanan.
 - d. Bidang 4 : Pengurusan Sisa
Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pengurusan sisa secara sistematik demi mewujudkan keadaan persekitaran yang bersih, sihat dan sejahtera, serta mengoptimalkan penggunaan sumber melalui pengurusan sisa secara teratur.
 - e. Bidang 5 : Pengurusan Air
Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran terhadap amalan pengurusan sumber air secara berhemah bagi mengurangkan pembaziran serta pembangunan system kitar semula air dan penuaian air hujan.
 - f. Bidang 6 : Pengangkutan
Menerapkan kesedaran terhadap pengangkutan menyebabkan penyumbang terbesar kepada pencemaran udara dan perubahan iklim serta mengenalpasti kaedah alternatif untuk penggunaan teknologi hijau dalam sektor pengangkutan.
 - g. Bidang 7 : Perolehan Hijau
Memberi kesedaran terhadap penggunaan perolehan hijau dan amalan pengurusan hijau dalam sistem politeknik dan kolej komuniti sebagai usaha menyokong pemeliharaan alam sekitar melalui menggalakkan perolehan produk dan perkhidmatan mesra alam.

TARIKH-TARIKH PENTING

Tarikh Pendaftaran : 30 Mei 2024

Tarikh Penghantaran Kertas Kerja Penuh : Sebelum 30 Julai 2024

Tarikh Penghantaran Selepas Pembetulan : 30 Ogos 2024

Tarikh Penghantaran Video Pembentangan : 9 September 2024

Tarikh Penerbitan Buku : 30 September 2024

